



## PROGRAM PEMBANGUNAN KONTRAKTOR SECARA BERTERUSAN (CCD)

### TERMA & SYARAT PENDAFTARAN SEBAGAI PENYEDIA LATIHAN CCD (PLCCD)

Pendaftaran sebagai PLCCD boleh terdiri daripada Agensi Kerajaan / GLC / persatuan dan badan-badan swasta.

#### 1. Penyedia latihan mestilah terdiri daripada syarikat yang berdaftar dengan salah satu jenis pendaftar seperti berikut:

- i) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)  
–ROC/ROB/PLT
- ii) Berdaftar Perniagaan dengan Kerajaan Negeri Sabah (Borang B)
- iii) Berdaftar Perniagaan dengan Kerajaan Negeri Sarawak (Borang I)
- iv) Berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan (ROS)
- v) Berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

\*\* SSM (ROB), Borang B dan Borang I mestilah masih dalam tempoh sah laku.

\*\* Bagi PLCCD dari Agensi Kerajaan atau CIDB HQ/ Negeri/ Cawangan, perlu mengemukakan surat permohonan rasmi dari Ketua Jabatan/ Ketua Bahagian/ Negeri/ Cawangan semasa permohonan dibuat.

#### 2. Modal Perniagaan minima RM3,000.00

- i) Pendaftaran Syarikat ROC – merujuk kepada *paid-up capital* di dalam SSM
- ii) Lain-lain jenis pendaftaran – penyata akaun 1 bulan terkini. Penyata yang dianggap terkini adalah bagi bulan semasa atau bulan sebelumnya semasa permohonan dibuat.

\*\*Pengecualian kepada Agensi Kerajaan/CIDB HQ/Negeri/Cawangan.

#### 3. Pemilik / Ahli Lembaga Pengarah

- i) Pemilik/ Ahli Lembaga Pengarah pusat latihan mestilah bebas daripada mana-mana tindakan perundungan termasuk diisyithar muflis.

\*\*Pengecualian kepada Agensi Kerajaan/CIDB HQ/Negeri/Cawangan.

#### 4. Pemohon

- i) Pemohon mestilah terdiri dari pengarah/ pemilik/ Ahli Lembaga Pengarah pusat latihan sahaja.
- ii) Bagi Agensi Kerajaan/CIDB HQ/Negeri/Cawangan – pemohon mestilah Ketua Jabatan/ Pengarah/ Timbalan Pengarah/ Ketua Bahagian

#### 5. Pembayaran Fi

- i) Fi proses sebanyak RM50.00
- ii) Fi Pendaftaran Penyedia Latihan CCD sebanyak RM300.00

\*\*Pengecualian fi proses & fi pendaftaran bagi agensi kerajaan dan CIDB HQ/ Negeri/Cawangan

**6. Dokumen berkaitan semasa mengemukakan permohonan**

- i) Salinan Mykad /passport pemohon.
- ii) Profile syarikat yang telah dikemaskini dengan maklumat terkini.
- iii) Surat rasmi permohonan sebagai PLCCD (Agensi Kerajaan/CIDB HQ/Negeri/Cawangan).

**7. Tempoh Sah Laku Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan CCD (PLCCD)**

- i) Tempoh sah laku pendaftaran penyedia latihan adalah selama 2 tahun.
- ii) Permohonan pembaharuan pendaftaran penyedia latihan boleh dibuat dalam tempoh 90 hari sebelum tamat pendaftaran.

**8. Tanggungjawab Penyedia Latihan CCD (PLCCD)**

- i) PLCCD bertanggungjawab memastikan pendaftaran sebagai PLCCD adalah sah tempoh laku semasa memohon dan sepanjang program dijalankan serta mengikut syarat yang telah ditetapkan.
- ii) PLCCD hanya boleh memaparkan jumlah mata CCD yang telah diluluskan sahaja ketika mengiklankan program / kursus CCD. PLCCD tidak dibenarkan menggunakan logo CIDB bagi tujuan pengiklanan atau promosi program/kursus dalam apa jua bentuk bercetak, media dan sebagainya.
- iii) PLCCD bertanggungjawab dalam pelaksanaan segala urusan berkaitan latihan, termasuk pengiklanan program / kursus, pendaftaran peserta, peralatan mengajar, makan dan minum, alat tulis, nota kursus, sijil penyertaan dan sebagainya.
- iv) PLCCD hendaklah memastikan setiap peserta menyertai sepenuhnya aktiviti yang telah disediakan sepanjang tempoh program / kursus CCD. Bagi peserta yang tidak hadir penuh keseluruhan kursus, dianggap tidak memenuhi syarat dan tidak layak mendapat sijil penyertaan dengan mata CCD.
- v) PLCCD boleh mengenakan caj atau bayaran yuran kursus kepada peserta dengan kadar yang munasabah.
- vi) PLCCD perlu memastikan pengajar yang dilantik memenuhi kriteria dan berkelayakan setara dengan kursus/latihan yang akan dijalankan.
- vii) PLCCD bertanggungjawab sepenuhnya terhadap maklumat yang diisyihar dan sepanjang perjalanan program dilaksanakan.

**9. Hak CIDB**

- i) CIDB berhak membuat pemantauan ke atas program / kursus CCD dari semasa ke semasa seperti berikut:
  - a) Melawat premis latihan pada bila-bila masa pada waktu rasmi program / kursus CCD dijalankan tanpa atau dengan notis kepada PLCCD.
  - b) Memantau pelaksanaan latihan yang dijalankan oleh PLCCD agar menepati subjek / topik berkaitan dengan industri pembinaan. Pemantauan boleh dijalankan secara fizikal atau secara atas talian (online).
  - c) Memeriksa kemudahan dan peralatan yang disediakan oleh PLCCD.
  - d) Menemubual peserta dan penceramah program / kursus serta mendapatkan maklum balas peserta terhadap kursus yang dijalankan.
  - e) Memeriksa rekod kehadiran, pengajar serta peserta yang terlibat.
  - f) CIDB mempunyai hak mutlak bagi mengkaji dan meminda syarat dan peraturan Program / Kursus CCD dari semasa ke semasa.
  - g) CIDB mempunyai kuasa untuk menolak sebarang permohonan yang tidak menepati objektif, lewat, tidak lengkap atau meragukan daripada PLCCD tanpa sebarang alasan.

h) PLCCD yang tidak mematuhi peraturan ini boleh dikenakan tindakan berikut:

- Surat Tunjuk Sebab
- Penggantungan sebagai PLCCD
- Disenarai Hitam/Dibatalkan pendaftaran sebagai PLCCD.
- Tindakan Undang-undang

**Dengan ini, saya bersetuju dan memahami semua terma & syarat pendaftaran sebagai penyedia latihan CCD seperti yang telah ditetapkan oleh CIDB.**